

04/09/2001

Malam Deklamasi Angkasapuri unik, memikat

Hardi Effendi Yaacob

KARYA sastera Melayu termasuk puisi terbukti mampu menghiburkan serta menyentuh perasaan sekiranya ia dipersembahkan secara kreatif dan penuh penghayatan.

Barangkali itulah kesimpulan mengenai Malam Deklamasi Angkasapuri 2001 yang dipancarkan secara langsung dari di Auditorium Perdana, Angkasapuri, kelmarin.

Pada acara yang julung kali anjuran oleh RTM bersama Berita Harian itu, penonton menatap lagak deklamator yang muncul berselang-seli dengan penyanyi terkenal dalam menyelami keindahan puisi masing-masing.

Artis yang tampil ke pentas dengan suara dan gaya mereka ialah Safura yang menyanyikan puisi Sese kali, karya Lim Swee Tin, Ahmad Razali (Katakan Pada Ku - Latiff Mohidin), Ramlah Ram (Menunggu Pertemuan - Datuk A Aziz Deraman dan Rozita Izlyn (Sesetia Malam Pada Siang - Siti Zaleha Hashim).

Tidak ketinggalan Ijam yang memilih Berkolek Bersajak, karya penyair dari Terengganu, JM Aziz; Koprata (Dabus Rohani - Khalid Salleh); Ramli Sarip (Ufuk Nurani - Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said) dan Koir Adya (Tanah Air - Sasterawan Negara, Datuk Dr Usman Awang).

Koprata sekali lagi muncul dengan Permata Untuk Isteri, karya Abdul Aziz HM, selain Kumpulan Ibrahim Bachik menerusi Melayu Mudah Lupa dan Bicara Dengan Teman Lama. Sajak itu masing-masing karya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Tan Sri A Samad Ismail.

Kemudiannya, menyusul pula M Nasir yang 'berpesta' dengan Bila Rumi Menari dan persembahan diakhiri sajak menyentuh emosi semua Perjuangan Yang Belum Selesai nukilan Perdana Menteri, nyanyian Nora.

Tidak dinafikan bantuan Orkestra RTM pimpinan Jari (Jaafar Abdul Rahman Idris), mempersonakan. Permainan muzik mengikut mood persembahan menambahkan lagi keberkesanan persembahan pada malam itu.

Selain itu, lakaran wajah setiap penulis puisi yang menjadi latar belakang pentas boleh dianggap kreatif sekalipun ringkas. Pengacara - Ahmad Tarmimi Siregar dan Ras Adiba Radzi - lancar mengendalikan majlis.

Deklamasi Angkasapuri 2001 terbahagi kepada tiga segmen iaitu Cinta, Ketuhanan dan Patriotik.

Deklamator yang tampil malam itu ialah Ketua Unit Pengembangan Sastera dan Budaya Berita Harian, Sutung Umar RS, dengan karyanya, Nur Satu, Intan Marhayu (Pesan Ibu Beribu-Ribu - Profesor Madya Abdul Rahman Shaari), Tengku Khaleeda Tengku Bidin Aku Anak Kroni Abdul Rahman manakala Rahimidin Zahari, Profesor Madya Dr Siti Zainon Ismail dan Lim Swee Tin memilih karya mereka sendiri, Sekepal Tanah, Altar Akhir dan Warga Malaysia.

Malam Deklamasi Angkasapuri 2001 lebih bermakna dengan kehadiran Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama isteri masing-masing.

Nyata, Dr Mahathir sendiri sebak apabila mendengar puisi Melayu Mudah Lupa dan Perjuangan Yang Belum Selesai disampaikan dengan begitu syahdu.

Hadir sama Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin yang bertanggungjawab mencetuskan idea bagi acara itu selain Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Dr Arshad Hashim serta Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Ahmad Rejal Arbee.

Turut hadir beberapa pegawai kanan RTM termasuk Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Alimusa Sulaiman; Pengarah Urusan Rancangan TV RTM, Barbara Edmonds serta Pengarah Penerbitan TV, Normah Rokiah Ramli.

Difahamkan, lebih 1,000 penonton menyaksikan acara yang julung kali dianjurkan itu dan sebahagian besarnya penuntut institusi pengajian tinggi awam dan swasta di sekitar Lembah Klang.

Terbukti Malam Deklamasi Angkasapuri 2001 mampu menjadi platform baru untuk memartabatkan puisi yang dihasilkan rakyat Malaysia. Diharapkan, usaha itu dapat membuka laluan baru dan janganlah ia acara pertama dan terakhir kerana masih ramai lagi penyair yang tidak muncul malam itu kerana ruang terhad.

(END)